



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA**  
Bahagian Pengurusan Latihan  
*Training Division*  
Aras 3 dan 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000  
Faks (Fax) : 603-8885 0748  
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj : KKM.500/3/4/9 Jld.10(28 )  
Tarikh: 11 Mac 2020

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **PELAWAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) BAGI PERMOHONAN KEMUDAHAN BIASISWA TAJAAN KERAJAAN JEPUN 2021 (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) UNTUK PENGAJIAN PASCA SISWAZAH**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat untuk memohon kemudahan biasiswa Kerajaan Jepun 2021 (Monbukagakusho: MEXT) untuk Pengajian Pasca Siswazah. Bidang yang ditawarkan di bawah kemudahan ini ialah *Humanities and Social Sciences* serta *Natural Science*. Pemohonan *online* dibuka bermula pada **9 Mac 2020**.

3. Semua permohonan mesti memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran **JPA (I) S.178/1/5-9/1 (14)** bertarikh **9 Mac 2020** dan boleh dimuat turun di laman web <http://esilav2.jpa.gov.my>.

4. Calon perlu melayari dan memohon secara dalam talian melalui portal JPA seperti yang tersebut di atas. Permohonan online dibuka bermula **9 Mac 2020**. Tarikh tutup permohonan secara dalam talian di portal JPA adalah pada **24 Mac 2020**, namun calon di Kementerian Kesihatan Malaysia perlu mengemukakan permohonan ke Bahagian Pengurusan Latihan pada/sebelum **20 Mac 2020 (Jumaat)** untuk tindakan Bahagian ini selanjutnya. **Permohonan yang lewat di terima tidak akan dipertimbangkan.**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT NO : QMS 01948

5. Calon dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. **Ketua Jabatan adalah dicadangkan supaya hanya menyokong dan mempertimbangkan calon-calon yang layak, sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.**

6. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan **memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan.** Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

7. Calon perlu melengkapkan dan menghantar:-

- i. Dua (2) salinan Borang Permohonan Online JPA yang dicetak daripada sistem permohonan <http://esilav2.jpa.gov.my>.
- ii. Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**Lampiran B**) **tidak perlu diisi oleh pemohon** dan akan dilengkapkan oleh urusetia di Bahagian Pengurusan Latihan;
- iii. Dua (2) salinan Borang Perakuan Ketua Jabatan (**Lampiran C**);
- iv. *Application for Japanese Government (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) Scholarship 2021*
- v. ASCOJA Recommendation letters.
- vi. Dua (2) Salinan Kad Pengenalan
- vii. Dua (2) Salinan Sijil Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip yang telah disahkan)
- viii. Dua (2) salinan passport yang disahkan;
- ix. Dua (2) salinan TOEFL/IELTS/CEFRL (sekiranya ada)
- x. Dokumen-dokumen yang telah dinyatakan di dalam Garis Panduan permohonan *Japanese Government (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) Scholarship 2021*
- xi. Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan yang terkini dan disahkan.

Dokumen-dokumen tersebut perlu dihantar sebelum/pada **20 Mac 2020 (Jumaat)** kepada:-


Program Kepakaran 2  
Cawangan Operasi Latihan  
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM  
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3  
62675, Putrajaya  
(u/p: En. Mohd Akbal Bin Ghazali)

8. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua anggota yang berminat dan berkelayakkan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AZLAN BIN AHMAD)**

Bahagian Pengurusan Latihan  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**s.k.**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan&Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)